

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

RM2.32J bantu 14 pusat bernaung di bawah MAM  
03 Dec 2010  
Berita Harian  
Nasional  
N/A  
Daily  
192,982 / 1,521,000

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

Malay  
9  
200 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
8,811  
26,434



## RM2.32j bantu 14 pusat bernaung di bawah MAM

**R**AWANG: Sejumlah RM2.32 juta diperuntukkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membantu 14 pusat perlindungan yang bernaung di bawah Majlis Aids Malaysia (MAM).

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, sumbangan itu bakal memberi sinar baru kepada pesakit HIV/AIDS yang berlindung di semua rumah terabit.

Peruntukan itu, katanya, adalah sebahagian daripada Bidang Keberhasilan Utama

Negara (NKRA) yang digariskan kementeriannya.

"Tanggungjawab membantu, melindungi dan merawat pesakit AIDS/HIV ini adalah tanggungjawab bersama dan kerajaan sudah menjalinkan kerjasama pintar dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) merealisasikan tujuan itu.

"Kita juga akan memberi peruntukan kepada NGO yang mempunyai kepakaran untuk menangani pesakit AIDS/HIV ini dan mereka menggunakan peruntukan itu untuk merawat, mem-

bantu serta melindungi semua pesakit berkenaan," katanya kepada selepas menyampaikan replika cek peruntukan itu kepada MAM di Batu Arang, dekat sini semalam.

Terdahulu, Presiden MAM, Datuk Mohd Zaman Khan berkata, peningkatan bilangan pesakit di kalangan golongan wanita semakin membimbangkan.



SHAHRIZAT diiringi Mohd Zaman (kiri) pada Majlis Penyerahan Cek Projek Anjung Damai di Batu Arang.

CHAW WAI YEW / BERITA HARIAN